



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 21 OKTOBER 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	INVASIVE FISH HUNTER ENCOUNTERS CROCODILE, NATIONAL, THE SUN, M/S – 5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	AUTOMASI LONJAK PRODUKTIVITI, TARIK BELIA KE SEKTOR PERTANIAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 4	LAIN-LAIN
3.	UPM PERKASA PERTANIAN BANDAR DEMI KELESTARIAN MASYARAKAT, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 8	
4.	FIESTA LOMA GERIK RAI EKOSISTEM SUNGAI, SATUKAN MASYARAKAT, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 9	
5.	FOOD RESILIENCE EROSION 'OVERLOOKED' CLIMATE THREAT, NATIONAL, THE SUN, M/S – 4	
6.	BANTUAN JAMIN KELANGSUNGAN SEKTOR PERIKANAN, PERTANIAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 9	
7.	TRADISI 'MENGAGAU' IKAN MASIH RANCAK DI PERLIS, GAYA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 19	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2025	THE SUN	NATIONAL	5

Invasive fish hunter encounters crocodile

KUALA KANGSAR: Running into a crocodile while catching invasive fish in the Klang River is not an experience one easily forgets, as exemplified by Armed Forces veteran Haziman Amli Hasan.

Haziman, one of many Malaysians dedicating their time to eradicating invasive fish species from local rivers, said the encounter was a reminder that clearing rivers is no easy feat, and sometimes, it is even dangerous.

"I was with five friends netting fish when I saw the outline of a crocodile appear about three metres away.

"It was a shock. Luckily, it did not attack. I told my friends to move and find another spot," he said when met at the Perak Fish Fiesta closing ceremony at Dataran Victoria here.

He was crowned overall champion of the Perak Invasive Fish Hunt Grand Prix, taking home RM5,000 after hauling in 11,901kg of invasive fish.

As secretary of the Malaysia Invasive Fish Hunter Squad, Haziman said facing crocodiles is not the only challenge as water surges, fast currents and tangled nets are common hazards, especially in unfamiliar rivers.

"If it is around Selangor or Kuala Lumpur, we know the current. But in Sungai Kinta, for example, we were once hit by a water surge while out on a hunt. We were lucky to make it back to land safely," he said.

Since 2022, Haziman has helped catch over 57 metric tonnes of invasive fish from various rivers nationwide, nearly 80% of which were *Hypostomus plecostomus*, a hardy foreign species that threatens local ecosystems.

"For me, using a net is more effective because these species move in groups and can be caught by the dozen with each toss."

He recalled that the hunter

squad's early efforts were often dismissed as a waste of time and energy, but after sharing their work through videos and documentation online, public awareness on the issue has grown significantly.

"Now, when we go on a hunt, more people come forward to ask questions and some even report sightings of invasive fish in smaller rivers. That is a positive sign."

Perak Fisheries director Mohd Ghazali Abdul Manap said nearly 10 metric tonnes of invasive fish were caught during the three-day event.

"Participants came from Perak, Kuala Lumpur and Selangor, taking part in competitions held in Ipoh, Kampung Gajah and Kuala Kangsar.

"Although invasive species still exist in open waters, this is a good start and we are confident of achieving our zero invasive fish target within five years." – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	4

Automasi lonjak produktiviti, tarik belia ke sektor pertanian

PUTRAJAYA - Langkah menggalakkan penggunaan automasi menjadi antara tumpuan dalam Belanjawan 2026 bagi memastikan sektor pertanian negara lebih moden, efisien dan mampu menampung cabaran tenaga kerja yang semakin mencabar.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican berkata, kerajaan melihat automasi sebagai kunci utama dalam mempertingkatkan produktiviti pertanian serta menjadikan sektor itu lebih menarik kepada golongan muda.

Menurutnya, produktiviti pertanian masih ada ruang besar untuk ditambah baik kerana sektor itu masih bergantung kepada tenaga kerja manual dan tenaga kerja luar.

"Penggunaan teknologi seperti dron untuk menyembur baja dan racun sudah mula diperkenalkan dan terbukti membantu daripada dua aspek utama iaitu mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing serta membuka peluang pekerjaan baharu yang lebih profesional dalam sektor pertanian.

"Kalau dulu kerja di ladang dikaitkan dengan kerja 3D (*dirty, difficult, dangerous*) dan kurang diminati belia, kini mereka boleh menjadi juruterbang dron atau juruteknik jentera pertanian.

"Ia satu pekerjaan yang lebih 'bermaruah' dan berteknologi tinggi, sesuai dengan minat serta aspirasi generasi muda," katanya.

Tambah Johan, usaha memperluas automasi ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan produktiviti tetapi juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan sektor pertanian lebih berdaya saing dan mampan dalam jangka panjang.



Penggunaan automasi membantu mempertingkatkan produktiviti dalam sektor pertanian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

UPM perkasa pertanian bandar demi kelestarian masyarakat

PETALING JAYA: Universiti Putra Malaysia (UPM) memainkan peranan dalam memperkasa pembangunan pertanian bandar yang menjadi antara tonggak kepada agenda keselamatan makanan dan kelestarian negara.

Ketua Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Pertanian UPM, Dr. Puteri Edaroyati Megat Wahab berkata, UPM bukan sahaja menjalankan penyelidikan (R&D) dalam bidang pertanian bandar, malah turut berkongsi inovasi dan teknologi dengan komuniti melalui program latihan dan pemindahan ilmu serta latihan praktikal.

“Inisiatif ini bertujuan memperkukuh pengetahuan dan kemahiran masyarakat bandar dalam mengusahakan tanaman

secara mampan, efisien dan mesra alam,” katanya pada sesi forum di Persidangan Komuniti Pertanian Kebangsaan (PKPK) 2025, di sini, semalam.

Katanya, pertanian bandar bukan sekadar aktiviti bercucuk tanam, tetapi satu pendekatan inovatif yang menyatukan keperluan makanan, kesejahteraan komuniti dan penjagaan alam sekitar.

“Pertanian bandar bukan hanya tertumpu kepada penghasilan tanaman seperti sayur-sayuran, herba dan buah-buahan tetapi juga berperanan membentuk hubungan sosial yang harmoni serta memupuk nilai kelestarian dalam kalangan masyarakat bandar,” ujarinya.

Menurut Puteri, penglibatan komuniti dalam aktiviti pertanian bandar membuktikan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan sumber makanan lestari semakin meningkat.

“Pelibatan pelbagai lapisan masyarakat ini bukan sahaja menggalakkan kerjasama komuniti, malah memupuk semangat gotong-royong dalam menjayakan kebun komuniti masing-masing,” katanya.

Beliau menegaskan, pertanian bandar kini dilihat bukan sahaja sebagai sumber makanan tambahan bagi penduduk bandar, tetapi juga wadah memperkasa pendidikan komuniti dan kesedaran terhadap tanggungjawab menjaga alam sekitar.

Fiesta Loma Gerik rai ekosistem sungai, satukan masyarakat

Gerik: Fenomena unik musim ikan loma mudik ke hulu Sungai Rui, di sini bagi melepaskan telur yang lazimnya antara September hingga November setiap tahun terus diraikan melalui Fiesta Loma Gerik 2025.

Fiesta Loma 2025 anjuran Majlis Daerah Gerik (MDG) yang berlangsung tiga hari bermula 3 hingga 5 Oktober lalu menarik kehadiran kira-kira 20,000 pengunjung termasuk dari beberapa negeri jiran, selain penyertaan pihak berkuasa tempatan (PBT) dari Betong, Thailand.

Setiasaha Majlis Daerah Gerik (MDG), Ahmad Razril Ramli, 41, berkata penganjuran Fiesta Loma bukan sahaja meraikan keunikan ekosistem sungai yang terdapat di Gerik, malah turut berperanan sebagai platform tahunan yang menyatukan masyarakat melalui aktiviti kebudayaan, rekreasi dan ekonomi.

Katanya, Fiesta Loma berlangsung di kawasan Kuala Sungai Rui yang berbaki satu kilometer sebelum arusnya bertemu Sungai Perak, tahun ini menyaksikan lebih 100 penjaja kecil diberi ruang berniaga di dua lokasi utama penganjuran iaitu Kampung Jong dan Dataran Loma.

Fazril berkata, Fiesta Loma diadakan sejak 11 tahun lalu kini penganjurannya diletakkan di ba-



Fiesta Loma bukan sahaja meraikan keunikan ekosistem sungai di Gerik, tetapi juga menyatukan masyarakat.

wah kendalian Unit Pelancongan dan Lanskap MDG sejak 2024.

Tindakan ekonomi setempat

Program ini berperanan memperkenalkan Gerik sebagai destinasi ekopelancongan serta ekstrem pelancongan yang berpotensi besar.

Katanya, ia juga memberi impak besar positif terhadap ekonomi setempat melalui permin-taan terhadap pelbagai perkhid-

"Festival ini sudah kita sukkan dalam kertas cadangan bagi pelan Perak Sejahtera 2030 dan kalau dilihat daerah Hulu Perak yang merangkumi Gerik sinonim dengan ekopelancongan, justeru menjadikan ia sebagai faktor kuat untuk festival ini akan terus diadakan.

"Berbanding sebelumnya, Fiesta Loma mula dianjurkan melalui inisiatif komuniti setempat khususnya penduduk kampung serta wakil rakyat, namun kini pembabit MDG menyertai lagi festival berkenaan terutama apabila turut membabitkan penyertaan agensi kerajaan lain untuk menjayakannya," katanya kepada BH.

Antara yang menjadi tumpuan adalah pertandingan berakrit yang menjadi acara tradisi dan identiti program berkenaan saban tahun, selain sukan rakyat termasuk menyauk ikan loma, bengkel pembuatan pekasan, bengkel mencanting batik dan sebagainya.

Beliau berkata, Fiesta Loma sahaja daripada tiga acara utama, selain acara sukan permotoran lasak Gerik Mega Trail dan festival pendakian Gunung Gerik Mountain Festival menjadi tumpuan MDG sebagai menyokong usaha persiapan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

"Kehadiran pengunjung dari dalam dan luar daerah meningkatkan permintaan terhadap pelbagai perkhidmatan.

"Selain keuntungan dari sudut ekonomi, Fiesta Loma membawa manfaat sosial dengan menggalakkan semangat kebersamaan, perpaduan dan pembabit aktif masyarakat dalam kegiatan berfaedah.

"Selain sedia dimasukkan sebagai satu daripada acara rasmi dalam kalendar pelancongan Perak, kami turut mendapat kerjasama Tourism Perak (Lembaga Penggalakan Pelancongan Negeri Perak) bagi meluaskan capaian ke pasaran domestik dan antarabangsa," katanya.

Pelancongan Pesisir Sungai diletakkan sebagai antara agenda yang mahu dicapai menerusi *flagship* Ekonomi Pengalaman di dalam pelan pembangunan negeri Perak Sejahtera 2030 dilancarkan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Menerusi agenda itu, PBT di sepanjang Sungai Perak diletakkan sebagai antara agensi peneraju agenda itu, selain Tourism Perak diletakkan dalam beberapa lagi agenda seperti Pelancongan Peradaban dan Kesejahteraan Nusantara serta agenda Seramak Warisan dalam *flagship* sama.

Food resilience erosion 'overlooked' climate threat

➤ Rising temperatures, erratic monsoons place immense pressure on farming and fishing, impacting livelihood in Southeast Asia, says young Sabahan activist

■ BY KIRTINEE RAMESH
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: For 21-year-old Celeste Chung, the climate crisis is not just about melting glaciers or rising sea levels – it is about survival.

The young Sabahan activist believes Southeast Asia's most overlooked climate threat is the erosion of food resilience, which she calls both a human rights challenge and a test of regional survival.

"Our region feeds 650 million people, yet rising temperatures, erratic monsoons and saltwater intrusion are putting immense pressure on farming and fishing.

"This isn't just an environmental problem. It's a human rights issue," she said.


In her home state of Sabah, climate change has already begun to redraw the map.

Worsening floods, prolonged droughts and encroaching tides are forcing families to move – sometimes temporarily, sometimes for good.

"When I went home this August, relentless downpours flooded my neighbours' houses," she said.

"Some of my friends couldn't return home at night, and for days our neighbourhood lost access to water entirely. It made me realise how fragile our systems are and how unprepared we remain for what's coming."

Across Malaysia and Borneo, climate-driven internal migration is quietly accelerating. Families are shifting inland from eroding coastlines, fishermen are abandoning traditional grounds and drought-hit districts like Papar are struggling with severe water shortages that push people towards



Chung said governments must invest in climate-smart agriculture, coastal protection and regional collaboration to safeguard food systems and rural livelihoods. – MASRY CHE ANI/THESUN

urban centres.

While Malaysia's emergency response systems are efficient in the short term, Chung said the country still lacks a national framework for climate displacement and livelihood recovery.

"We're good at getting people out of danger, but not at helping them rebuild their lives afterwards," she said.

"There's no relocation fund, no structured plan for livelihood recovery and no protection for vulnerable groups – those who are the first to be hit and the last to recover."

For Chung, the region's ability to feed itself must now be seen as a cornerstone of climate security. She is urging governments to invest in climate-smart agriculture, coastal protection and regional collaboration to safeguard food systems and rural livelihoods.

Chung's advocacy for food and climate security is matched by her push to give young people a voice in policymaking.

Recently, she represented Malaysia at the Asean Children and Youth Climate Summit, joining more than 150 young delegates to draft the Langkawi Children and Youth Climate Declaration 2025 – a call for intergenerational climate justice and shared responsibility.

"It was one of the most inspiring experiences of

my life. We came from different countries and cultures, but we spoke the same emotional language: urgency, care and responsibility for our planet."

As a member of the drafting team, Chung championed the voices of coastal, stateless and indigenous communities in Sabah. The experience strengthened her conviction that Southeast Asia's climate challenges are deeply interconnected and that young people must be part of the solution, not just the conversation.

"If we want future-ready climate policy, youth must have real seats at the table. Right now, we're often invited to summits but excluded from where the budgets and policies are made."

Her solution is bold – embed youth representatives with genuine decision-making power at every level of Asean's climate framework.

"Giving youth formal power would transform climate policy from reactive to proactive, designed not just for us, but with us," she said.

For Chung, climate action is no longer a distant ideal but a matter of daily survival for people, for livelihoods and for the region's shared future.

"Don't underestimate the power of your voice. Whether you're a student, policymaker or farmer, you have a role to play. Action isn't someone else's job. It's our shared responsibility."

Bantuan jamin kelangsungan sektor perikanan, pertanian

Inisiatif kepada nelayan, pesawah ringan beban perkukuh sekuriti makanan negara

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Yan: Langkah kerajaan terus menjaga aspek kebajikan dan kesejahteraan nelayan serta penguatkuhan sekuriti makanan negara, dilihat sebagai komitmen jitu serampang dua mata yang memanfaatkan semua.

Penekanan terhadap sekuriti makanan seperti dinyatakan dalam Belanjawan 2026, dilihat selari dengan usaha berterusan kerajaan ke arah memantapkan sektor asas, termasuk pertanian dan perikanan.

Setiausaha Komuniti Nelayan Kuala Dulang Kechil, Ahmad Shahini Ismail, 51, berkata bantuan berterusan terhadap komu-



niti nelayan dengan sendirinya mampu menjamin kelangsungan sektor perikanan tempatan yang menjadi tunjang kepada bekalan makanan negara.

Katanya, inisiatif seperti bantuan sara hidup RM300 kepada ahli nelayan yang layak besar nilainya kepada penerima kerana dapat meringankan beban golongan sasar, selain membolehkan mereka kekal aktif menjalankan aktiviti perikanan.

"Bantuan ini membolehkan kami terus ke laut dan menyumbang kepada bekalan makanan segar untuk rakyat," katanya ketika ditemui di jeti Kuala Dulang Kechil, di sini.

Penekanan kerajaan terhadap sekuriti makanan, jelasnya, membuka ruang luas golongan



Pengumuman kerajaan menaikkan insentif pembajakan kepada RM160 sehektar dan insentif penuaian RM50 sehektar melegakan pesawah. (Foto hiasan)



Ahmad Shahini Ismail

terbabit secara langsung seperti petani, penternak dan nelayan dalam menyumbang ke arah memenuhi keperluan.

"Bantuan dan kemudahan ini bukan sahaja memanfaatkan golongan nelayan sedia ada,

tetapi turut membantu dalam memastikan kelangsungan industri perikanan negara terus

terjamin," katanya.

Ringan beban pesawah

Kalangan pesawah turut menyatukan kesediaan bekerjasama dalam merealisasikan reformasi struktur industri padi dan beras bagi memastikan kelestarian sektor pertanian serta menjamin kedaulatan makanan negara.

Pesawah, Mohd Rosdi Yahaya, 57, berkata perancangan kerajaan ke arah itu memberi harapan baharu kepada golongan sepertinya yang selama ini bergelut

dengan pelbagai cabaran, termasuk kenaikan kos operasi.

"Kami gembira dengan pengumuman kenaikan insentif pembajakan kepada RM160 sehektar dan insentif penuaian RM50 sehektar sebab ini akan meringankan beban pesawah," katanya.

Beliau berkata, industri padi memerlukan perubahan struktur menyeluruh, khususnya dalam mekanisme penentuan harga padi dan beras supaya lebih telus, sesuai dengan apa yang diusahakan pesawah.

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

BAGI kanak-kanak era 90-an yang membesar tanpa media sosial atau telefon pintar, 'hiburan' atau saat paling dinantikan adalah turun ke bendang 'menggagau' dan menyerkap ikan.

Aktiviti ini amat popular setiap kali selesai musim menuai padi.

Saat itu, kanak-kanak terutamanya di kawasan kampung-kampung cukup teruja berkubang di dalam selut mencuba nasib 'menggagau' ikan dan menjadi satu kepuasan apabila pulang ke rumah membawa hasil yang banyak.

Di zaman serba moden ini, meskipun aktiviti tersebut sudah semakin dilupakan namun di sesetengah kawasan di Perlis, ia masih bertahan.

Ketika kanak-kanak lain lebih menjadikan permainan video sebagai pilihan untuk mengisi masa lapang, namun bagi anak-anak di kebanyakan kampung di Perlis terus kekal dengan tradisi 'menggagau' ikan selepas musim menuai.

Antaranya di Kampung Bakong, Arau Perlis yang masih ramai kanak-kanak begitu teruja menyertai aktiviti menyerkap ikan seperti haruan, puyu dan sepat.

Aktiviti tersebut juga terus meriah di kampung-kampung lain sekitar negeri ini.

Putera Haziq Shah Putera Abu Bakar Shah, 17, berkata, dia masih meneruskan aktiviti menyerkap ikan meskipun ramai rakan sebaya sudah tidak berminat dengan aktiviti tersebut.

Dia selalunya mengikut aktiviti membajak di sawah-sawah padi sekitar kawasan rumahnya dan menurut di belakang mesin membajak untuk

Tradisi 'menggagau' ikan masih rancak di Perlis



SEKUMPULAN kanak-kanak berkubang di dalam selut 'menggagau' ikan yang menjadi rutin tahunan setiap kali selepas musim menuai padi di Kampung Bakong, Arau, Perlis baru-baru ini. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

menyerkap ikan.

"Setiap kali selepas musim menuai padi, saya bersama rakan-rakan tidak akan melepaskan peluang melakukan aktiviti menyerkap ikan ini.

"Sepanjang melakukan aktiviti ini, tidak pernah saya pulang dengan tangan kosong. Ada sahaja ikan yang dibawa pulang ke rumah dan ia menjadi satu kepuasan," katanya.

Tambahnya, aktiviti

serkap ikan masih rancak dijalankan di negeri ini, dengan kanak-kanak turut mewarisi dan meneruskan tradisi turun-temurun itu.

"Kanak-kanak tidak kisah 'berkotor' atau berlumpur. Bagi mereka, aktiviti sebegini sesuatu yang cukup menyeronokkan," katanya.

Sementara itu, seorang warga emas, Dimat Kamis, 75,

berkata, dia tidak pernah lupa membawa cucu-cucunya untuk menyertai aktiviti menyerkap ikan setiap kali habis musim menuai padi di sekitar Batu Pahat di sini.

Aktiviti serkap ikan sudah sinonim dengan dirinya sejak kecil.

Malah, minat itu diwarisi pula oleh anak serta cucu-cucunya.

"Dahulu, selepas sahaja musim menuai, meriah dan penuh dengan penduduk khususnya kanak-kanak turun ke bendang menyerkap ikan.

"Mereka ketika itu, tidak kisah berselut kerana menjadi satu kepuasan apabila dapat membawa pulang banyak ikan.

"Selalunya hasil ikan yang diperolehi seperti ikan haruan, puyu dan sepat dimasak asam pedas selain dijadikan pekasam dan ikan kering," katanya.

Tambah Dimat, lazimnya selepas selesai musim menuai padi, ikan di sawah mudah ditangkap kerana berada di dalam selut dengan air yang cetek.

Menurutnya, serkap digunakan untuk menangkap ikan hanya dengan tangan, namun perlu berhati-hati kerana ada kalanya ikan keli yang tertangkap boleh menyengat.

"Zaman dahulu, kita akan ikut di belakang tenggala yang ditarik seekor kerbau ketika membajak, namun kini, kita ikut di belakang mesin membajak untuk menyerkap ikan.

"Serkap ini, digunakan dengan cara merejam ke dalam air di sawah secara berulang kali dan apabila terasa kocakan ikan membelah dinding serkap, itu menunjukkan ikan telah 'mengena'," katanya.



AKTIVITI menggagau ikan menjadi satu kepuasan apabila pulang ke rumah membawa hasil ikan yang banyak. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN



KANAK-KANAK mengikut di belakang mesin membajak untuk menyerkap ikan. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN